

BN Sarawak diminta beri tumpuan kawasan terpilih
Utusan Online
29 Januari, 2013

KUCHING 28 Jan. - Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta para pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri terus memberi tumpuan terhadap beberapa kawasan terpilih bagi mengukuhkan kedudukan BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

Katanya, jentera BN negeri harus mencari jalan bagi meningkatkan sokongan pengundi walaupun masih mempunyai keupayaan untuk mengekalkan kedudukannya.

Menurutnya, ini termasuklah kerusi Parlimen Sibul yang dikuasai DAP kerana perkembangan terkini menunjukkan BN mempunyai peluang yang baik di situ dengan syarat usaha jentera parti dilipatgandakan.

"Walaupun ada gerakan pembangkang untuk menembusi Sarawak, terbukti pada pilihan raya negeri yang lalu mereka tidak dapat menembusinya.

"Namun saya telah meminta pimpinan BN Sarawak terus memberi tumpuan pada kawasan terpilih untuk mengukuhkan kedudukan," tegasnya dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis perjumpaan bersama 3,000 penjawat awam di sini hari ini.

Berdasarkan kedudukan semasa, BN menguasai 29 kerusi Parlimen di negeri ini manakala DAP pula dua kerusi Parlimen iaitu Sibul dan Bandar Kuching.

Mengenai calon BN bagi pilihan raya, Muhyiddin yang merupakan Timbalan Pengerusi BN berkata, pada masa ini parti itu berpegang pada prinsip bahawa calon mestilah datang daripada parti komponen.

Katanya, pihak yang terlibat dalam masalah dalaman parti komponen di negeri ini juga telah mengambil usaha untuk menyelesaikan permasalahan mereka.

"Memang ada kesungguhan mencari penyelesaian kerana pihak terbabit faham mereka perlu bersatu sebagai satu pasukan kerana perbalahan hanya akan menjejaskan imej parti dan BN," katanya.

Dalam pada itu katanya, berdasarkan taklimat tahap persiapan jentera pilihan raya komponen BN negeri yang disampaikan oleh Pengerusi BN Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta ketua keempat-empat parti komponen BN malam tadi, beliau amat berpuas hati dengan inisiatif oleh setiap parti berkenaan.

"Sebahagian besarnya menyatakan BN Sarawak akan dapat menang dengan majoriti yang lebih tinggi," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130129/px_03/BN-Sarawak-diminta-beri-tumpuan-kawasan-terpilih

